

# Kerajaan dengar suara rakyat: PM

28 JUL 1986

KUALA LUMPUR, Jumaat — Barisan Nasional (BN) tidak memilih sikap melampau untuk menghadapi sesuatu masalah walaupun ia boleh mengancam kerajaan sendiri, kata Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebaliknya setiap keputusan mengenai sesuatu perkara itu dibuat melalui musyawarah dengan mengenyepikan nafsu serta menyusun rancangan-rancangan dan melaksanakannya supaya mendedahkan faedah yang nyata.

"Yang penting bagi kami ialah hasil, bukan kata-kata sahaja," katanya dalam Surat Terbuka Kepada Rakyat Malaysia dalam manifesto BN bertemakan *Tradisi Membela Rakyat* yang dilancarkan oleh beliau di sini hari ini.

Kami sebuah kerajaan yang sentiasa mengambil ingatan terhadap kehendak rakyat serta bertanggungjawab," tegasnya.

Perdana Menteri berkata negara sekarang sedang menempuh satu masa yang sukar dalam sejarahnya kerana sebagaimana semua negara membangun yang lain, Malaysia juga menghadapi kelembapan ekonomi yang berat.

Bagaimanapun, katanya, keadaan negara ini tidak seburuk seperti negara-negara lain.

"Tetapi kerana kita sudah biasa dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, keadaan lembap ini menyebabkan kita bimbang. Kita pun mencari kesalahan dan memang mudah untuk menyalahkan kerajaan dalam keadaan seperti ini," katanya.

Menurutnya, kejatuhan harga barangan bukan disebabkan perbualan kerajaan sendiri. Teknologi baru, bahan-bahan tiruan, pengeluaran baru, permintaan lembaran dan manipulasi pa-

## Cermat

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa mendengar suara rakyat dan mengimbangi keperluan pelbagai kaum, kawasan dan negeri, golongan kaya dan miskin serta rakyat di bandar dan luar bandar.

"Falsafah kami mantap. Kalau kami tidak berjaya sepenuhnya, itu adalah disebabkan sebagaimana yang berlaku kepada semua negara lain, kami tidak boleh menduga segala yang terbatas dan juga kerana kami masih dalam peringkat mempertingkatkan teknik pelaksanaan.

"Saya berikrar bahawa kami akan mengambil langkah-langkah membetulkan keadaan manakala diperlukan.

saran oleh negara kaya menyebabkan kejatuhan harga barangan utama negara.

Beliau berkata hanya satu cara untuk mengatasi kelembapan ini, iaitu menghadapinya dengan tenang, mengaturlangkah dengan cermat dan menggunakan kekuatan yang tulen.

"Kalau kita mengikut perasaan, mencari jalan senang dan secara liar menuduh antara satu sama lain, kita hanya meruncingkan lagi keadaan.

"Izinkan saya mengemukakan pertanyaan yang mudah; Kalau keadaan Malaysia sebegini buruk seperti dakwaan sesetengah pihak kenapa begitu ramai orang luar negeri sanggup menghadapi pelbagai rintangan untuk menyeludup masuk ke negara ini?" katanya.